

11/07/2001

Pemuda sedia kaedah tangani gejala antikerajaan

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemuda Umno akan mengemukakan cadangan mengenai kaedah yang patut dilakukan kerajaan bagi menangani gerakan antikerajaan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Pengerusi Biro Pendidikannya, Dr Adham Baba, berkata Pemuda Umno menyokong tindakan menyingkir pelajar yang terbabit dalam gerakan itu serta mengancam keselamatan, tetapi ia tidak mudah dilakukan kerana kaedah pemantauan universiti terhadap kegiatan pelajar ketika ini agak longgar.

"Jika universiti mempunyai maklumat lengkap mengenai kegiatan pelajarnya sudah tentu kejadian seperti penyebaran majalah Varsiti 2001 dan kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya dapat dielakkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa pelajar IPT yang didapati terbabit dalam gerakan antikerajaan akan disingkir.

Dr Adham berkata, Pemuda Umno berpendapat langkah tertentu perlu dilakukan bagi mengurangkan pengaruh gerakan antikerajaan, terutama di kalangan pelajar yang akan meninggalkan alam persekolahan serta yang bakal memasuki IPTA.

Beliau mencadangkan supaya semua IPTA mengedarkan senarai pertubuhan yang berdaftar di institusi masing-masing kepada semua pelajar serta ibu bapa.

Katanya, langkah itu penting bagi mengelakkan pelajar yang memasuki IPTA terjebak dalam kegiatan pertubuhan yang tidak sah yang biasanya bergerak dengan bertopengkan nama kegiatan lain.

"Selain itu, kerajaan perlu menghapuskan pergerakan tidak sah ini supaya tidak membahayakan masa depan pelajar dan keselamatan negara.

"Pihak IPTA dan polis juga patut mengawasi pertubuhan ini dengan mengumpulkan maklumat lengkap mengenainya," katanya.

Beliau berkata, Pemuda Umno mempunyai bukti rangkaian pertubuhan yang tidak sah wujud dan bergerak di semua IPTA.

Dr Adham berkata hasil pemantauan selama setahun yang dilakukan pergerakan itu di semua IPTA mendapati pertubuhan berkenaan secara terang-terangan menghasut pelajar untuk membenci kerajaan dan Dr Mahathir.

Katanya, pemantauan itu juga menunjukkan pertubuhan yang tidak berdaftar itu ada kaitan dengan kegiatan parti pembangkang serta mempunyai wakil mereka yang dilantik di kalangan pelajar IPTA.

Difahamkan pertubuhan itu dikaitkan dengan persatuan anak negeri serta kegiatan Islam.

"Walaupun kegiatan ini hanya membabitkan segelintir pelajar yang agak radikal, dalam jangka panjang ia boleh menyebabkan perpecahan di kalangan pelajar Melayu dan Islam di negara ini, sedangkan universiti bukanlah tempat untuk membenci dan mengutuk kerajaan yang sudah membelanjakan jutaan ringgit bagi menyediakan peluang kepada mereka melanjutkan pelajaran," katanya.

(END)